

UMNO: Atasi Konflik Antara Negara Dengan Rundingan, Bukan Peperangan - Dr Mahathir Bernama
26 November, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan konflik antara negara perlu diselesaikan menerusi rundingan, arbitrase atau proses perundangan, bukan dengan cara berperang.

Sambil mengakui setiap negara akan mempunyai konflik dengan negara lain, Dr Mahathir berkata beliau tidak melihat peperangan sebagai jalan penyelesaian kerana tidak membawa sebarang kebaikan, termasuk kepada pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata manusia bertamadun tidak sepatutnya menggunakan peperangan atau cara membunuh untuk mendapatkan sesuatu.

"Sebaliknya, manusia yang bertamadun seharusnya menggunakan pendekatan yang lebih sabar dan aman iaitu dengan cara rundingan ataupun ambil pendapat orang ketiga untuk menjadi pengadil atau rujuk ke mana-mana mahkamah antarabangsa untuk menyelesaikan masalah," katanya.

Dr Mahathir berucap pada jamuan tengah hari yang dihoskan beliau untuk peserta Forum Antarabangsa Umno kali ketiga bertemakan 'Konflik dan Pendamaian Dalam Politik Rakyat - Menoleh ke Belakang atau Memandang ke Hadapan?' sempena Persidangan Agung Umno 2012 di sini.

Forum dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711566>